

**Analisis Retrospektif Karya Berkaitan Penggunaan Kamus Sebagai Alat Bantu Mengajar Ilmu Falak**  
*A Retrospective Analysis of Scholarly Works on the Use of Dictionaries as Teaching Aids in Falak Studies*

Mohamad Fauzan Mohd Razali, Mohd Hafiz Safiai<sup>✉</sup> & Muhd Rasywan Syarif  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia  
UIN Alauddin, Makassar, Indonesia

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan analisis kajian literatur berkaitan istilah falak dalam tradisi keilmuan Islam dengan meletakkan fokus perbincangan dalam peranan dan kepentingan perkamusan falak, khususnya Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki. Isu kajian timbul daripada keterbatasan penyelidikan ilmiah yang menganalisis istilah falak secara sistematik daripada perspektif leksikografi, meskipun istilah tersebut adalah asas penting dalam pemahaman ilmu falak serta penggunaannya dalam ibadah dan pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kajian literatur berkaitan ilmu falak, peristilahan falak, leksikografi falak dan penterjemahan istilah Arab-Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa istilah falak bukan sekadar terminologi teknikal, sebaliknya mencerminkan kerangka epistemologi yang menghubungkan dimensi bahasa, sains dan agama, di samping menyoroti peranan kamus falak sebagai instrumen konseptual dalam penyelarasan dan pemeliharaan ketepatan istilah. Diharapkan kajian dapat menjadi rujukan asas yang memacu pemahaman konsep dan penggunaan istilah falak secara lebih tersusun dan sistematik, sekali gus menyumbang kepada pemantapan pengajaran dan penyelidikan ilmu falak dalam konteks pengajian Islam kontemporari.

### KATA KUNCI

Ilmu falak, istilah falak, leksikografi Arab, perkamusan saintifik, Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki.

### ABSTRACT

*This article discusses a literature-based analytical study on falak terminology within the Islamic scholarly tradition, with particular emphasis on the role and significance of falak lexicography, specifically Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki. The research issue arises from the limited number of scholarly studies that systematically examine falak terminology from a lexicographical perspective, despite its fundamental importance in understanding falak science and its application in Islamic worship and education. This study adopts a qualitative approach through a literature review of works related to falak studies, falak terminology, falak lexicography, and Arabic-Malay terminological translation. The findings indicate that falak terminology extends beyond technical nomenclature, instead reflecting an epistemological framework that integrates linguistic, scientific, and religious dimensions. Furthermore, the study highlights the role of falak dictionaries as conceptual instruments in the standardisation and preservation of terminological accuracy. It is hoped that this research will serve as a foundational reference to promote a more structured and systematic understanding and application of falak terminology, thereby contributing to the strengthening of teaching and research in falak studies within the context of contemporary Islamic scholarship.*

### KEYWORDS

Falak studies, falak terminology, Arabic lexicography, scientific lexicography, Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki.

### Article History

Received: January 5, 2026  
Revised: February 3, 2026  
Accepted: June 3 2026  
Published: June 15 2026

### ✉ Contact

Mohd Hafiz Safiai  
(Corresponding Author)  
[hafizsafiai@ukm.edu.my](mailto:hafizsafiai@ukm.edu.my)

### Citation

Mohamad Fauzan Mohd Razali, Mohd Hafiz Safiai & Muhd Rasywan Syarif. 2026. Analisis Retrospektif Karya Berkaitan Penggunaan Kamus Sebagai Alat Bantu Mengajar Ilmu Falak. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 61-67.

### Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENGENALAN

Ilmu falak merupakan salah satu cabang ilmu dalam tradisi keilmuan Islam yang berfungsi sebagai asas dalam menentukan pelaksanaan ibadah serta memahami fenomena alam semesta. Perbincangan mengenai peredaran matahari, bulan, bintang dan planet bukanlah hanya bersifat teori, malah mempunyai implikasi praktikal dalam penentuan waktu solat, arah kiblat, penentuan awal bulan hijri dan pelaksanaan ibadah haji. Dalam sejarah tamadun Islam, ilmu falak berkembang sebagai satu disiplin yang menggabungkan unsur pemerhatian empirikal, pengiraan matematik dan kerangka kosmologi yang berpaksikan wahyu. George Saliba menegaskan bahawa kemajuan astronomi Islam tidak terhad kepada pewarisan ilmu Yunani semata-mata, sebaliknya ia melibatkan proses penelitian semula, kritikan dan pembinaan konsep baharu yang lebih konsisten dengan data saintifik dan keperluan hukum syariah (George Saliba, 1994).

Seiring dengan perkembangan ilmu falak, penggunaan istilah teknikal dalam disiplin ilmu ini semakin kompleks. Istilah seperti falak, madar, ufuq, matla', ijtima' dan ru'yah memiliki makna khusus yang tidak boleh difahami secara literal tanpa merujuk kepada konteks disiplin ilmu falak itu sendiri. Oleh yang demikian, ketepatan dalam penggunaan istilah amat penting bagi menjamin pemahaman yang tepat terhadap konsep falak, sama ada dalam wacana akademik, pengajaran ataupun pengaplikasian fiqh. Menurut Abdelhamid Sabra, istilah saintifik dalam tradisi Islam di samping berfungsi sebagai simbol bahasa, ia turut mencerminkan asas epistemologi dan pendekatan intelektual dalam memahami sesuatu fenomena alam dalam konteks keilmuan Islam (Abdelhamid Sabra, 1994).

Dalam konteks ini, kewujudan kamus dan glosari khusus dalam bidang falak merupakan satu keperluan fundamental bagi menyeragamkan makna istilah serta menghindari kekeliruan konseptual. Kamus khusus dalam bidang sains, termasuklah ilmu falak, berperanan sebagai medium penghubung antara bahasa, ilmu dan tradisi pemikiran. Salah satu karya yang penting dalam bidang ini ialah Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki, iaitu sebuah kamus yang menghimpunkan istilah-istilah falak dalam bahasa Arab dengan padanan serta penjelasan yang berkaitan dengan astronomi klasik dan moden. Penyusunan kamus ini menunjukkan usaha yang sistematik untuk menyepadukan istilah tradisional astronomi Islam dengan istilah sains kontemporari, sekali gus menjadikannya sebagai sumber rujukan utama dalam memahami perbincangan falak secara lebih teratur ('Abd Al-Amir Mu'min, 2006).

Sungguhpun begitu, meskipun Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki kerap dijadikan rujukan dalam perbincangan ilmu falak, kajian ilmiah yang meneliti istilah-istilah falak dari sudut analisis literatur dan leksikografi masih terhad, khususnya konteks pengajian Islam di Malaysia. Sebahagian besar

perbincangan terdahulu lebih menumpukan aspek sejarah perkembangan ilmu falak atau aplikasinya dalam ibadah, berbanding kajian mendalam terhadap struktur makna, konteks penggunaan serta fungsi istilah falak itu sendiri. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis tentang kajian-kajian literatur berkaitan istilah falak dan perkamusan falak dengan menjadikan Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki sebagai fokus utama perbincangan. Melalui pendekatan kajian literatur, diharapkan penulisan ini dapat menyumbang kepada pengukuhan kefahaman istilah falak serta membuka ruang kepada usaha penyeragaman terminologi falak dalam pengajian Islam kontemporari.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis perbincangan ilmiah berkaitan istilah falak dalam tradisi keilmuan Islam dengan memberikan tumpuan kepada peranan dan kandungan Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki. Pendekatan kualitatif ini dipilih pada peringkat awal kerana fokus utama penulisan adalah untuk menilai dan mengkaji dapatan literatur dan kajian-kajian terdahulu, tanpa melibatkan penghasilan data empirikal baharu. Menurut John W. Creswell, pendekatan tersebut berfungsi untuk memahami corak pemikiran, konsep dan perbincangan akademik yang dibangunkan oleh para sarjana dalam sesuatu bidang ilmu.

Reka bentuk kajian ini bersifat deskriptif-analitik, iaitu meneliti teks-teks akademik secara sistematik bagi mengenal pasti tema, pendekatan dan kecenderungan perbincangan berkaitan istilah falak. Analisis ini dilakukan dengan memfokuskan kepada aspek linguistik dan terminologi, khususnya cara istilah falak didefinisikan dan digunakan dalam wacana ilmu falak. Reka bentuk ini dianggap sesuai bagi kajian istilah kerana istilah teknikal tidak dapat difahami secara terasing daripada konteks epistemologi dan sejarah perkembangan ilmu berkenaan.

Kajian ini menggunakan dua kategori sumber data, iaitu sumber primer dan sekunder. Data-data itu dikumpulkan melalui kaedah perpustakaan yang melibatkan pembacaan bahan-bahan bercetak dan digital yang berkaitan. Sumber primer kajian ialah Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki yang dijadikan rujukan utama bagi meneliti corak pembentukan dan penyusunan istilah falak dalam kamus khusus bidang astronomi yang menghimpunkan istilah falak klasik dan kontemporari. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku akademik, artikel jurnal dan kajian ilmiah yang membincangkan ilmu falak, perkamusan Arab, leksikografi saintifik dan penterjemahan istilah Arab-Melayu, termasuklah juga kajian berkaitan sejarah astronomi Islam, epistemologi sains Islam, serta pembentukan istilah teknikal dalam tradisi keilmuan Islam dan Alam Melayu.

## KAJIAN LITERATUR

### Definisi dan Konsep Ilmu Falak

Kajian mengenai ilmu falak dalam tradisi Islam umumnya menitikberatkan kedudukan bidang ini sebagai suatu disiplin ilmu yang mempertemukan elemen saintifik dan agama. Sebahagian penulisan kontemporari mendefinisikan ilmu falak sebagai kajian tentang pergerakan objek angkasa seperti matahari, bulan dan planet, yang diaplikasikan dalam penentuan waktu ibadah, takwim dan fenomena alam (Mohamad Faizal, 2017; Sulistia Ningrum & Nadya Fabianti, 2024). Definisi ini menunjukkan bahawa ilmu falak itu meliputi perbincangan kosmologi dan aspek praktikal yang signifikan dalam kehidupan umat Islam.

Dari sudut sejarah dan epistemologi kajian oleh Saliba (1994) menjelaskan bahawa astronomi Islam berkembang melalui proses interaksi antara warisan Yunani dan Parsi. Para ilmuwan Islam membuat penterjemahan, penilaian semula terhadap teori sedia ada dan memperkenalkan konsep baharu yang lebih sejajar dengan data pemerhatian empirikal. Pendekatan ini membuktikan bahawa pembentukan istilah falak dalam tradisi Islam lahir daripada kerangka ilmu yang dinamik dan sentiasa berkembang. Dalam konteks Alam Melayu pula, didapati sesungguhnya evolusi ilmu falak dipacu oleh keperluan ibadah, pengaruh ulama Timur Tengah, serta proses penginstitutionan ilmu falak di rantau ini (Susiknan, 2010; Aizan, 2015).

### Peristilahan Falak dan Makna Teknikal

Isu peristilahan adalah antara fokus utama dalam kajian falak kerana istilah yang digunakan bersifat teknikal dan tidak boleh ditafsirkan secara literal. Beberapa kajian bidang tafsir dan astronomi menunjukkan bahawa istilah seperti *kawkab*, *najm* dan falak membawa pengertian khusus yang berbeza bergantung kepada konteks linguistik dan saintifik. Misalnya, kajian oleh Khairussaadah Wahid et al. (2017), memperlihatkan bahawa istilah *al-kawkab* dalam Al-Quran lebih tepat difahami sebagai planet berbanding bintang, berdasarkan analisis tafsir klasik dan ciri-ciri astronomi moden. Dapatan ini menegaskan keperluan kepada pemahaman istilah falak yang berasaskan disiplin ilmu dan bukan sekadar terjemahan literal.

Selain itu, difahamkan bahawa istilah falak dalam Al-Quran dan tafsir moden memerlukan pendekatan analitikal iaitu dengan menggabungkan ilmu bahasa Arab, ilmu tafsir dan astronomi. Hal ini mengukuhkan hakikat penelitian istilah falak perlu dilakukan dalam kerangka epistemologi dan metodologi sains Islam (M. Anzaikhan & Muhammad Roni, 2021).

### Kajian Tradisi Penterjemahan Arab-Melayu dan Istilah Saintifik

Sorotan terhadap kajian penterjemahan Arab-Melayu menunjukkan bahawa istilah saintifik Islam serta istilah falak sering berhadapan dengan cabaran berkaitan kesepadanan makna dan konsistensi penggunaannya. Azman (2010) menyatakan bahawa amalan penterjemahan di Alam Melayu bermula dengan pendekatan syarahan dan pentafsiran bebas oleh ulama, sebelum ia beralih ke arah pendekatan akademik yang lebih tersusun pada era moden. Dalam konteks ini, istilah falak lazimnya diserap secara langsung daripada bahasa Arab atau diubah suai fonologinya untuk mengekalkan makna teknikal asalnya.

Seterusnya, sebuah kajian oleh Muhammadul Bakir et al. (2022) menerangkan bahawa penterjemahan istilah ilmu dalam Islam menuntut pemahaman mendalam terhadap latar budaya dan agama. Bagi memastikan ketepatan makna, strategi penterjemahan seperti pinjaman bahasa, adaptasi dan huraian deskriptif sering digunakan. Dapatan ini selari dengan kajian Mohamad Hussin dan Muhammad Hakim Kamal (2021), yang menyoroti ketidakseragaman istilah boleh timbul apabila sesuatu istilah diterjemahkan secara berbeza mengikut konteks yang seterusnya berpotensi menjejaskan kefahaman pembaca.

### Kajian Leksikografi, Kamus dan Istilah Falak

Kajian leksikografi menguraikan bahawa kamus bukan sahaja berfungsi sebagai alat bahasa, bahkan juga sebagai medium pembinaan dan penyebaran ilmu. Di samping itu, dapat ditemukan bahawa kamus istilah saintifik di Alam Melayu memainkan peranan penting dalam menyelaraskan konsep ilmu dan bahasa, terutamanya dalam disiplin yang bersifat teknikal. Peranan ini menjadi signifikan dalam bidang falak yang melibatkan istilah yang bersifat multidisiplin merangkumi elemen bahasa, matematik dan kosmologi.

Dalam perspektif sejarah, kajian oleh Kunitzsch (2005) dan Bagheri (2006), membuktikan bahawa tradisi leksikografi falak Islam dalam dunia Islam telah wujud sejak zaman klasik melalui penyusunan glosari astronomi. Kajian-kajian tersebut mengesahkan istilah falak Arab menjadi asas kepada pembentukan terminologi astronomi moden dalam pelbagai bahasa. Penemuan ini memberikan latar penting untuk memahami kewujudan kamus falak moden seperti *Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki*.

Kamus tersebut, yang disusun oleh 'Abd al-Amīr Mu'min (2006), menghimpunkan istilah falak klasik dan kontemporari dengan pendekatan dwibahasa. Meskipun karya ini sering menjadi rujukan, kajian yang menganalisis kandungan istilahnya secara sistematik masih terhad. Kebanyakan penulisan sedia ada menggunakan kamus sekadar sebagai sumber sokongan, dan bukannya sebagai objek kajian utama, justeru membuka ruang kepada analisis istilah falak secara mendalam.

## Pembangunan dan Penyeragaman Istilah Falak Kontemporari

Seterusnya, terdapat kajian-kajian kontemporari yang menekankan keperluan standardisasi istilah falak agar seiring dengan perkembangan sains moden. Ettahri (2018) membincangkan nomenklatur planetari dalam bahasa Arab dan menunjukkan sebenarnya tiada satu kaedah penterjemahan yang mutlak. Pemilihan istilah bergantung kepada konteks saintifik, pertimbangan linguistik dan keperluan pengguna. Pandangan ini disokong oleh kajian Khusenova (2024), yang menyatakan istilah astronomi sentiasa berkembang dari segi makna dan struktur.

Dalam konteks Malaysia dan Alam Melayu, keperluan ini kian mendesak disebabkan oleh perkembangan pengajian falak dan sains angkasa. Oleh demikian, analisis istilah falak dalam kamus seperti Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki menjadi relevan dari sudut linguistik dan juga penting dalam usaha menyepadukan serta menyeragamkan pemahaman ilmu falak antara tradisi keilmuan Islam dan sains moden.

### Penggunaan Kamus sebagai Alat Bantu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Sorotan kajian terdahulu juga menampilkan kamus sememangnya berfungsi sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam pelbagai bidang. Dalam pendidikan bahasa, penggunaan kamus membantu pelajar memahami makna istilah dengan lebih tepat, mengukuhkan penguasaan konsep dan menyokong pembelajaran sendiri. Turut didapati bahawa pembentukan dan pemantapan istilah melalui kamus membina pola pemikiran pelajar, khususnya dalam memahami istilah teknikal yang jarang digunakan dalam bahasa harian (Junaidi, 2020).

Dari segi pengajaran ilmu-ilmu Islam, kamus dan glosari istilah berperanan sebagai medium sokongan untuk menjelaskan konsep teknikal secara sistematik. Mohd Hilmi dan Muhammad Syukri (2022) menjelaskan hakikatnya kamus istilah saintifik di Alam Melayu bertindak menjadi alat pedagogi yang membantu pelajar mengaitkan istilah dengan konsep ilmu yang sebenar. Kaedah ini membantu mengurangkan kekeliruan serta meningkatkan kefahaman konseptual dalam bidang multidisiplin.

Dalam pengajaran ilmu falak, penggunaan kamus sebagai alat bantu PdP amat penting memandangkan ilmu ini melibatkan istilah teknikal daripada bidang bahasa Arab, matematik dan astronomi. Ketidaktahuan terhadap mana-mana istilah boleh menjejaskan kefahaman konsep dan aplikasinya dalam ibadah. Maka, dapatan kajian berkaitan PdP menyokong penggunaan kamus seperti Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki bagi menguatkan pemahaman istilah falak secara berstruktur. Secara retrospektif, penggunaan kamus dalam PdP memberi sumbangan besar apabila dilihat dari aspek bahasa dan menyokong pembinaan kefahaman konsep ilmu, yang

dapat diperhatikan adalah selari dengan tradisi pengajian Islam yang menekankan ketepatan istilah.

## PERBINCANGAN

### Istilah Falak sebagai Entiti Epistemologi

Kajian literatur tersebut menampilkan istilah falak berperanan sebagai unit linguistik yang turut merupakan refleksi kepada kerangka epistemologi ilmu falak itu sendiri. Kajian sejarah sains Islam menjadi bukti pembentukan istilah falak berlaku dalam konteks interaksi antara ilmu matematik, pemerhatian empirikal dan kefahaman kosmologi yang berteraskan wahyu. Maka, segala pemaknaan istilah falak tidak boleh dipisahkan daripada kerangka ilmu yang membentuknya. Perkara ini senada dengan pandangan Saliba (1994) yang menyatakan astronomi Islam berkembang secara kritikal serta inovatif, bukan sekadar meniru tradisi asing.

Implikasinya, kajian istilah falak memerlukan pendekatan yang bersifat holistik dengan mengintegrasikan dimensi linguistik, sejarah dan saintifik. Literatur falak di Malaysia banyak menumpukan pengaplikasian ibadah seperti penentuan kiblat, waktu solat dan hilal. Dalam kerangka sedemikian, kekurangan analisis istilah berpotensi menyumbang kepada kefahaman yang bersifat prosedural berbanding analisis konseptual.

### Peranan Kamus Falak dalam Penyelarasan Makna

Kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa kamus falak adalah penting dalam usaha penyeragaman istilah dan menjaga kesinambungan ilmu. Berbeza dengan kamus umum, kamus khusus dalam bidang sains bertindak sebagai instrumen konseptual yang mengekalkan ketepatan makna dan menyeragamkan penggunaan istilah merentas disiplin ilmu. (Mohd Hilmi & Muhammad Syukri, 2022).

Dalam kerangka perbincangan ini, Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki dapat dilihat bagaikan kegiatan yang menyepadukan istilah falak klasik dengan terminologi astronomi moden melalui pendekatan dwibahasa. Berikutan itu, ia mencerminkan kesinambungan antara warisan ilmu falak Islam dengan tuntutan sains kontemporari. Perihal demikian selari dengan tradisi leksikografi falak Islam klasik yang telah berkembang sejak abad pertengahan menerusi penyusunan glosari khusus astronomi (Kunitzsch, 2005; Bagheri, 2006).

Namun, sebahagian perbincangan dalam kajian terdahulu menggunakan kamus tersebut sekadar dijadikan rujukan sampingan, dan bukannya sebagai fokus analisis utama. Perkara ini menonjolkan wujudnya jurang penyelidikan lebih-lebih lagi dari sudut analisis cara istilah falak ditakrifkan, diadaptasikan dan diseragamkan dengan konsep astronomi moden. Tanpa analisis kritikal, fungsi kamus selaku medium epistemologi tidak dimanfaatkan sepenuhnya dalam pengajian falak.

### Isu Penterjemahan dan Ketidakselarasan Istilah

Penyelidikan berkaitan penterjemahan Arab-Melayu menyoroti isu ketidakselarasan istilah merupakan cabaran dalam pengembangan ilmu falak di Alam Melayu. Kajian terdahulu dan kontemporari ada menjelaskan strategi penterjemahan seperti pinjaman bahasa, adaptasi fonologi dan huraian deskriptif kerap digunakan bagi mengekalkan makna istilah (Azman, 2010; Muhamadul Bakir et al., 2022).

Walaupun strategi tersebut membantu penyampaian makna, beberapa kajian lain mendapati penggunaan strategi atau pendekatan yang tidak konsisten telah menghasilkan kepelbagaian istilah yang berpotensi menimbulkan kekeliruan, khususnya bagi istilah falak yang digunakan merentas disiplin agama dan sains (Mohamad Hussin & Muhammad Hakim, 2021; Noor Syafiqah & Zamri, 2016). Berlandaskan skop ilmu falak, ketidakselarasan istilah berkemungkinan boleh menjejaskan kefahaman konsep saintifik dan implikasi hukum syarak yang bergantung kepada ketepatan makna istilah.

Perbincangan ini menzahirkan kewujudan kamus falak yang disusun secara sistematik berkeupayaan untuk mengurangkan permasalahan ketidakselarasan istilah tersebut. Sungguhpun begitu, tahap keberkesanannya bergantung kepada sejauh mana istilah-istilah berkenaan dianalisis, difahami dan diselaraskan secara ilmiah. Oleh itu, kajian istilah falak melalui kerangka kajian literatur dan leksikografi merupakan langkah yang signifikan dalam membentuk asas standardisasi istilah falak yang lebih kukuh (Ettahri, 2018; Khusenova, 2024).

Jadual 1: Rumusan Tematik Kajian Literatur Berkaitan Istilah Falak dan Perkamusan Falak

Tema, Kajian & Penulis	Fokus / Perbincangan Utama
Definisi & Konsep Ilmu Falak – <i>A History of Arabic Astronomy</i> (Saliba, 1994)	Menghuraikan pembangunan astronomi Islam sebagai disiplin saintifik dan epistemologi; tidak memfokuskan analisis istilah falak secara khusus.
Definisi & Konsep Ilmu Falak; Konteks Alam Melayu – <i>Sejarah dan Faktor Perkembangan Astronomi Islam di Malaysia</i> (Aizan et al., 2015)	Meneliti perkembangan dan institusionalisasi ilmu falak di Malaysia dengan fokus aplikasi ibadah; aspek peristilahan tidak dihuraikan secara mendalam.
Peristilahan Falak & Makna Teknikal – <i>A Comparative</i>	Menganalisis istilah <i>al-kawkab</i> melalui tafsir

<i>Study on Interpretation of Planet from al-Qur'an and Astronomy Views</i> (Khairussaadah et al., 2017)	dan astronomi moden; menekankan kepentingan ketepatan makna teknikal.
Peristilahan Falak; Tafsir & Astronomi – <i>The Study of Falak Science in the Qur'an</i> (M. Anzaikhan & Muhammad Roni, 2021)	Menunjukkan keperluan pendekatan interdisiplin dalam memahami istilah falak; tidak mengaitkan dengan kajian leksikografi.
Tradisi Penterjemahan Arab–Melayu – <i>Revisiting Arabic–Malay Translation Experience in Malaysia</i> (Azman, 2010)	Membincangkan sejarah dan pendekatan terjemahan Arab–Melayu sebagai kerangka umum istilah; tidak khusus kepada falak.
Penterjemahan Istilah Sainifik – <i>Translation of Islamic Terminology in the Malay Archipelago</i> (Muhamadul Bakir et al., 2022)	Menghuraikan strategi terjemahan istilah Islam dan isu kesepadanan makna; falak tidak dianalisis secara khusus.
Ketidakselarasan Istilah; Terjemahan – <i>Translation of al-Qur'an into Malay Language in the Malay World</i> (Mohamad Hussin & Muhammad Hakim, 2021)	Menunjukkan variasi istilah akibat pendekatan terjemahan berbeza dan implikasinya terhadap kefahaman konsep agama.
Leksikografi & Istilah Sainifik – <i>Translations from Arabic (Astronomy/Astrology): The Formation of Terminology</i> (Kunitzsch, 2005)	Membincangkan peranan istilah Arab dalam pembentukan terminologi astronomi; menjadi asas teori leksikografi falak.
Leksikografi Falak Klasik – <i>Kushyār ibn Labbān's Glossary of Astronomy</i> (Bagheri, 2006)	Membuktikan kewujudan tradisi glosari falak Islam; bersifat sejarah dan tidak berorientasikan pedagogi.
Kamus Falak – <i>Qāmūs Dār al-'Ilm al-Falakī</i> ('Abd al-Amīr Mu'min, 2006)	Menghimpunkan istilah falak klasik dan moden; digunakan sebagai rujukan tanpa analisis kritikal epistemologi.
Kamus & Pedagogi Istilah – <i>Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu</i> (Junaidi, 2020)	Menjelaskan peranan istilah dan kamus dalam pembinaan kefahaman konsep; relevan secara teori kepada kajian falak.

Kamus & PdP Ilmu Islam – <i>Ta'rifāt Jāwī</i> (Mohd Hilmi Ramli & Muhammad Syukri, 2022)	Menunjukkan fungsi kamus istilah saintifik sebagai alat bantu PdP; memberi asas perbandingan kepada kamus falak.
--	--

### Jurang Kajian

Secara keseluruhannya, sorotan literatur memperincikan beberapa jurang utama dalam kajian istilah falak. Pertama, kebanyakan kajian terdahulu menumpukan kepada sejarah perkembangan ilmu falak atau pengaplikasiannya dalam ibadah, manakala analisis istilah falak dari sudut leksikografi masih kurang diteroka (Susiknan, 2010; Aizan et al., 2015). Kedua, kajian berkaitan penterjemahan istilah cenderung meneliti teks agama atau sastera Arab secara umum berbanding kamus khusus dalam bidang falak (Azman, 2010; Nik Norimah et al., 2022). Ketiga, usaha penyeragaman istilah falak dalam konteks semasa masih bersifat terpisah dan belum diperkukuh oleh analisis istilah yang sistematik (Ettahri, 2018).

### KESIMPULAN

Rumusannya, kajian-kajian literatur tersebut menghuraikan secara terperinci bahawa istilah falak merupakan elemen asas dalam pembinaan dan penyampaian ilmu falak dalam tradisi keilmuan Islam. Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas memperlihatkan hasilnya istilah falak bukan sekadar berfungsi terminologi teknikal, sebaliknya menampakkan kerangka epistemologi yang menghubungkan aspek bahasa, sains dan agama. Analisis literatur juga mendapati kebanyakan kajian ilmu falak lebih tertumpu kepada sejarah perkembangan disiplin ini atau penggunaannya dalam ibadah, sedangkan penyelidikan khusus terhadap struktur makna dan penggunaan istilah falak dari sudut perkamusan masih terhad. Situasi ini membangkitkan keperluan untuk menempatkan kajian istilah falak sebagai satu bidang yang signifikan dalam pengajian Islam kontemporari.

Selain itu, perbincangan turut menegaskan kepentingan kamus falak misalnya Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki, yang menjadi penyelaras dan pemelihara ketepatan istilah falak menjangkau disiplin ilmu dan bahasa. Walaupun kamus tersebut berkebolehan sebagai medium standardisasi istilah falak, keberkesanannya hanya bergantung kepada sejauh mana istilah-istilah tersebut dianalisis dan difahami secara mendalam oleh pengkaji dan pendidik. Kedudukan kamus ini dalam wacana ilmiah memperlihatkan peranannya sebagai medium penting dalam memahami dan menyusun istilah falak secara sistematik dalam pengajian Islam.

### RUJUKAN

- 'Abd al-Amīr Mu'min. 2006. *Qamus Dar Al-Ilm Al-Falaki*. Bayrut: Dar Al-Ilm Li al-Malāyīn.
- Aizan Ali @ Mat Zin, Khadijah bt Ismail & Mohammaddin Abdul Niri. 2015. Sejarah dan Faktor Perkembangan Astronomi Islam di Malaysia: Satu Penelitian. *Journal of Al-Tamaddun*, 10(1), 1–18.
- Azman Che Mat. 2010. Revisiting Arabic-Malay Translation Experience in Malaysia: A Historical and Contemporary Account. *Asian Culture and History*, 2(2).
- Bagheri, Mohammad. 2006. *Kushyar ibn Labban's Glossary of Astronomy*. *SCIAMVS*, 7, 145–174.
- Ettahri, Mohamed Amine. 2018. *Developing an Arabic Equivalent of the Planetary Nomenclature: A Draft for a Standardized System*. EPSC Abstracts, 12, EPSC2018-1140.
- Junaidi Kasdan. 2020. Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1), 2020: 3 – 16. <https://doi.org/10.17576/jatma-2020-0801-01>
- Khairussaadah Wahid, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi & Saadan Man. 2017. A Comparative Study on Interpretation of Planet from Al-Quran and Astronomy Views. *Al-Bayān: Journal of Qur'ān and Hadīth Studies*, 15(2), 213–239.
- Khusenova, Mehriniso Uktamovna. 2024. Lexical-Semantic Features of Astronomical Terminology in the English Language. *American Journal of Language, Literacy and Learning in STEM Education*, 2(11), 279–282.
- Kunitzsch, Paul. 2005. *Translations from Arabic (Astronomy/Astrology): The Formation of Terminology*. *Archivum Latinitatis Medii Aevi*, 63, 161–168.
- M. Anzaikhan & Muhammad Roni. 2021. The Study of Falak Science in the Qur'an: Analytical Study of Tafsir Al-Misbah. *Fitrah: Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Keislaman*, 7(2), 181–196.
- Mohamad Faizal bin Jani. 2017. Kepentingan Ilmu Falak dalam Kehidupan. Jabatan Mufti Negeri Perak. [https://mufti.perak.gov.my/images/minda\\_mufti/2017/mac/falak.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2017/mac/falak.pdf)
- Mohamad Hussin & Muhammad Hakim Kamal. 2021. Translation of al-Quran into Malay Language in the Malay World. *International Journal of Islamic Studies and Humanities (IJISH)*, 4, 33–51.
- Mohd Hilmi Ramli & Muhammad Syukri Rosli. 2022. *Ta'rifāt Jāwī* oleh Tuan Guru Haji Ibrahim Haji Jusoh (m. 1980): Satu Kajian Perkamusan Istilah Saintifik di Alam Melayu. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 24(2), 35–98.
- Muhamadul Bakir Hj. Yaakub, Muhamad AlifHj. Sasmat & Khatijah Othman. 2022. *Translation of Islamic Terminology in the Malay Archipelago: A Review*. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 148–152.
- Nik Norimah Tuan Mat, Noor Eliza & Azman Che Mat. 2022. Perspektif Penterjemahan Karya Sastera Prosa Arab ke Bahasa Melayu dalam Kajian-Kajian Lepas. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7, 924–936.
- Noor Syafiqah Ahamadi Palah & Zamri Arifin. 2016. Pencerakinan Kajian Istilah dan Terjemahan

- BERNAMA Arab ke Bahasa Melayu dan Inggeris. *Islamiyyat*, 38(2), 141–148.
- Sabra, Abdelhamid I. 1994. *Science and Philosophy in Medieval Islamic Theology: The Evidence of the Fourteenth Century*. Zeitschrift für Geschichte der Arabisch-Islamischen Wissenschaften.
- Saliba, George. 1994. *A History of Arabic Astronomy: Planetary Theories During the Golden Age of Islam*. New York: New York University Press.
- Taj Rijal Muhamad Romli & Ariza Binti Abdullah. 2019. Kamus arab-melayu dan melayu-arab dalam era perkembangan industri 1.0 sehingga 4.0. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-17 (Penterjemahan Era Digital). [https://www.researchgate.net/publication/335754508\\_kamus\\_arab-melayu\\_dan\\_melayu-arab\\_dalam\\_era\\_perkembangan\\_industri\\_10\\_sehingga\\_40](https://www.researchgate.net/publication/335754508_kamus_arab-melayu_dan_melayu-arab_dalam_era_perkembangan_industri_10_sehingga_40)